



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

12 OGOS 2021 (KHAMIS)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

12 OGOS 2021 (KHAMIS)

KPDNHEP Selangor rampas 18,000 kg minyak masak

Shah Alam: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor merampas 18,000 kilogram (kg) minyak masak termasuk 8,775 kg yang bersubsidi menerusi serbuan di dua premis pemborong minyak masak berlesen di Puchong, petang kelmarin.

Pengarah KPDNHEP Selangor, Muhammad Zikril Azan Abdullah, berkata serbuan pada jam 1 tengah hari itu hasil risikan bersama Seksyen Perisikan KPDNHEP Putrajaya dan Pasukan Riisan Operasi Pejabat KPDNHEP Selangor yang dijalankan sejak sebulan lalu.

Katanya, empat individu warga tempatan termasuk pemilik premis serta seorang warga Indonesia berusia 30 hingga 50 tahun ditahan bagi membantu siasatan.

"Hasil siasatan awal mendapati stor berkenaan digunakan se-

bagai tempat penyimpanan dan transit bagi kerja pemindahan minyak masak bersubsidi paket satu kg ke dalam *skid tank* untuk proses pembotolan.

"Hasil serbuan, sebanyak 18,000 kg minyak masak termasuk 8,775 kg minyak masak bersubsidi (satu kg) dirampas. Difahaman sindiket memotong paket satu kg dan dipindahkan ke dalam sebuah tangki skid dalam premis sebelum diproses semula dalam pek pembotolan (tidak bersubsidi).

"Ia bertujuan untuk mengaut keuntungan tinggi yang tidak sah melalui penjualan minyak masak berbotol yang lebih tinggi harganya berbanding minyak masak paket satu kg," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, modus operandi sindiket berkenaan adalah menghantar minyak masak bersubsidi ke lokasi yang sudah diserbu untuk dipek semula dalam

bentuk botol dua,kg. Katanya, sindiket itu juga disyaki melakukan pembotolan semula bagi pek lima kg berdasarkan penemuan botol minyak masak di lokasi yang sama.

"Berdasarkan dokumen yang dijumpai, minyak masak bersubsidi berkenaan sepatutnya diedar kepada pemborong dan peruncit berlesen di sekitar Lembah Klang.

"Bagaimanapun, ia diseleweng dan dibawa ke lokasi sasaran untuk dipek kembali dalam bentuk botol sebelum diedar ke pasaran dalam negara, malah kita juga percaya ia diseludup ke negara jiran," katanya.

Muhamad Zikril Azan berkata, pasukan serbuan turut merampas dua Lori, sebuah tangki skid dan sebuah forklift.

Keseluruhan rampasan bernilai RM245,000.

"Keterangan awal dari pemilik syarikat memaklumkan premis

Ia bertujuan untuk mengaut keuntungan tinggi yang tidak sah melalui penjualan minyak masak berbotol yang lebih tinggi harganya berbanding minyak masak paket satu kg



Muhamad Zikril Azan Abdullah,
Pengarah
KPDNHEP Selangor

berkenaan beroperasi sejak Januari lalu dan difahamkan syarikatnya menerima sejumlah lebih kurang 50,000 paket minyak masak subsidi setiap bulan untuk diedarkan ke pemborong dan peruncit.

Kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 dibaca bersama Peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (PPKB) 1974, Seksyen 20 (1) Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Peraturan 13(1) PPKB 1974.

8,775kg minyak masak bersubsidi dirampas

SHAH ALAM - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor berjaya menumpaskan sindiket penyelewengan minyak masak bersubsidi dalam serbuan di dua premis di sekitar negeri ini dengan merampas 8,775 kilogram minyak masak bersubsidi pada Selasa.

Pengarahnya, Muhamad Zikri Azan Abdullah berkata, menerusi serbuan dijalankan pihaknya berjaya merampas 18,000 kilogram (kg) minyak masak dengan 8,775kg daripadanya merupakan minyak masak bersubsidi paket satu kilogram.

"Siasatan awal dijalankan men-

dapati paket satu kilogram (minyak masak bersubsidi) dipotong dan dipindahkan ke dalam sebuah skid tank di dalam premis terbabit sebelum diproses semula ke dalam pek pembotolan (tidak bersubsidi).

"Tindakan ini bertujuan mengaut keuntungan tinggi yang tidak sah melalui penjualan minyak masak berbotol yang lebih tinggi harganya berbanding minyak masak paket 1 kilogram," katanya menerusi kenyataan pada Rabu.

Beliau berkata, siasatan yang dijalankan turut mendapati sebuah stor disyaki digunakan sebagai tempat penyimpanan dan transit bagi kerja

-kerja pemindahan minyak masak bersubsidi paket satu kilogram ke dalam skid tank untuk proses pembotolan.

"Modus operandi sindiket ini adalah menghantar minyak masak bersubsidi ke lokasi terbabit untuk dipek semula dalam bentuk botol bersaiz 2kg. Sindiket ini juga disyaki melakukan pembotolan semula bagi pek 5kg," jelas beliau.

Muhamad Zikri Azan berkata, berdasarkan dokumen yang dijumpai, minyak masak bersubsidi tersebut sepatutnya diedarkan kepada pemborong dan peruncit berlesen di sekitar Lembah Klang.




Antara peralatan ditemui dalam premis diserbu KPDNHEP.



Senarai Harga Barang Keperluan

| Barang | Harga (RM/kg) | Sumber |
|-------------------------|---------------|--------|
| • Ayam | RM6.59 | |
| • Daging Lembu Tempatan | RM35 | |
| • Daging Lembu Import | RM25.83 | |
| • Telur Gred A | RM12 | |
| • Ikan Kembung | RM15.90 | |
| • Minyak Masak | RM6.50 | |
| • Gula Pasir | RM2.85 | |
| • Bawang Besar Holland | RM2.80 | |
| • Bawang Putih | RM6.90 | |
| • Cili Merah | RM9.90 | |
| • Kubis Bulat Tempatan | RM2.99 | |
| • Tepung Gandum | RM2.25 | |

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP



New fuel prices
Aug 12 - 18

| | |
|--------|------------------------------|
| RON95 | RM2.05 (unchanged) |
| RON97 | RM2.74 (unchanged) |
| DIESEL | RM2.15 (unchanged) |

The graphic is a rectangular box with a light grey background and a dark border. It features a red circular icon of a fuel nozzle on the left. The text is arranged in a list format, with fuel types on the left and prices on the right. The prices are in a larger, bold red font, and the status '(unchanged)' is in a smaller black font below each price. The dates 'Aug 12 - 18' are written in a smaller black font below the main title.